

Isyarat Harga Membantu Pengagihan Sumber Secara Efisien

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Fungsi harga di dalam ekonomi pasaran bebas adalah penting untuk pengagihan sumber secara efisien. Harga merupakan faktor utama di dalam hukum permintaan dan penawaran. Hukum permintaan mengatakan bahawa kuantiti permintaan terhadap sesuatu barangan atau perkhidmatan akan meningkat sekiranya harga menurun, dengan syarat lain-lain faktor yang mempengaruhi permintaan tidak berubah. Yakni hukum permintaan menunjukkan perhubungan negatif di antara harga dan kuantiti permintaan.

Sebaliknya, hukum penawaran menunjukkan perhubungan positif di antara harga dan kuantiti penawaran terhadap sesuatu barangan atau perkhidmatan, dengan syarat lain-lain faktor yang mempengaruhi penawaran tidak berubah. Kuantiti penawaran terhadap sesuatu barangan atau perkhidmatan akan meningkat sekiranya harga barangan atau perkhidmatan tersebut meningkat.

Hukum permintaan dan penawaran ini nampak mudah tetapi merupakan suatu konsep yang penting di dalam ekonomi dari segi pengagihan sumber yang efisien. Hukum permintaan dan penawaran relevan untuk kebanyakan barangan atau perkhidmatan dilihat secara individu. Hukum permintaan dan penawaran juga sah jika barangan dan perkhidmatan dilihat secara kumpulan atau agregat. Ini adalah merupakan asas kepada ekonomi makro.

Sesebuah ekonomi itu berfungsi hasil dari interaksi di antara dua sektor, iaitu isi rumah dan firma. Isi rumah menawarkan faktor pengeluaran dan firma menggabungkan faktor-faktor pengeluaran untuk membuat pengeluaran barangan atau permintaan. Barangan atau perkhidmatan ini pula di minta oleh isi rumah untuk penggunaan.

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

Di dalam proses interaksi di antara isi rumah dan firma ini, harga merupakan isyarat terpenting yang digunakan oleh kedua-dua sektor ini untuk membuat keputusan. Keputusan yang dibuat oleh kedua-dua sektor tersebut, yakni isi rumah dan firma, akan memastikan segala sumber di dalam ekonomi diagihkan secara efisien atas alasan bahawa setiap isi rumah dan firma lazimnya membuat suatu keputusan yang rasional.

Inilah asas ekonomi pasaran bebas yang bermula dari setiap individu di dalam ekonomi membuat keputusan yang rasional untuk kepuasan diri sendiri, dan secara kolektifnya seluruh ekonomi akan mendapat manfaat kesan dari pengagihan sumber yang efisien. Maka sudah pasti kita ingin melihat isyarat harga memainkan peranan pengagihan sumber yang efisien di dalam ekonomi Malaysia.

Berdasarkan senario di atas, jelas bahawa kenaikan dan penurunan harga memainkan peranan. Walau bagaimanapun, ramai yang bertanggapan bahawa kenaikan harga sesuatu yang buruk dan penurunan harga pula sesuatu yang baik. Atau sekurang-kurangnya mungkin ramai yang mengaitkan dengan kenaikan harga komoditi merupakan sesuatu yang baik kerana ianya sebagai sumber eksport. Ini persis apa yang berlaku sekarang dengan kejatuhan harga minyak.

Oleh itu, suatu pengajaran yang perlu kita fahami bahawa kenaikan harga atau apa yang selalu disebut sebagai inflasi ada buruk-baiknya. Begitu juga dengan penurunan harga, ada buruk-baiknya. Penurunan harga pula disebut sebagai deflasi, yang tidak sepopular rakan sejawatnya, inflasi. Atau mungkin ramai yang tidak menyedari tentang deflasi atau sekurang-kurangnya tidak memikirkan bahawa deflasi sesuatu yang buruk.

Namun demikian, ramai yang menyedari bahawa kenaikan harga disukai oleh pengeluar, tetapi tidak disukai oleh pengguna. Marilah kita cuba selami fungsi harga sebagai isyarat pasaran dan seterusnya memahami buruk-baiknya kenaikan dan juga penurunan harga.

Terdapat dua perkara penting yang perlu diberi perhatian berkaitan dengan fungsi harga sebagai isyarat pasaran. Pertama, untuk mendapatkan satu isyarat yang boleh dipercayai, harga pasaran mestilah bebas bergerak. Dengan kata lain, harga cuma

ditentukan oleh pasaran tanpa campur tangan mana-mana pihak. Jika sekira terdapat campur tangan, maka kesahihan isyarat mungkin tergugat.

Kedua, kestabilan harga adalah jauh lebih penting daripada semata-mata memfokuskan kepada sama ada turun atau naiknya harga sesuatu barangan atau perkhidmatan. Dari sudut makroekonomi, kedua-dua inflasi dan deflasi perlu diawasi. Namun, kestabilan paras harga perlu diberi keutamaan. Kebanyakan negara-negara maju biasanya meletakkan kestabilan harga sebagai sasaran utama dasar permintaan agregat, sama ada dasar fiskal atau dasar kewangan, melebihi sasaran pertumbuhan ekonomi.

Pertumbuhan ekonomi yang tinggi selalunya dikatakan berkait rapat dengan inflasi. Jadi kesan kadar inflasi yang tinggi boleh meneutralkan pertumbuhan ekonomi. Jika ini berlaku, maka pertumbuhan ekonomi akan menjadi suatu ilusi. Umpamanya, ramai memperkatakan bahawa Rizab Persekutuan (FED) akan menaikkan kadar faedah Amerika Syarikat (AS). Ini adalah kerana ekonomi AS telah lama berkembang dan FED mula risau tentang kemungkinan kenaikan kadar inflasi. Namun demikian, Pengerusi Rizab Persekutuan AS (FED), Janet Yellen baru-baru ini membayangkan kemungkinan FED tidak menaikkan kadar faedah AS pada Mac ini. Ini merupakan satu berita baik sementara untuk Malaysia kerana permintaan untuk eksport dari Malaysia dijangka terus meningkat.

Sementara itu, ekonomi zon euro pada tahun lepas bukan sahaja tidak berkembang dengan signifikan namun mereka juga menghadapi kadar inflasi yang rendah, yakni hampir sifar. Faktor ini menjadi suatu kebimbangan umum di zon euro yang turut memberi tekanan ke bawah kepada pertumbuhan ekonomi dunia. Ini merupakan satu bukti bahawa kebimbangan tentang deflasi juga penting seperti mana kebimbangan inflasi.

Berbalik kepada situasi di dalam negara berhubung dengan kestabilan harga, sama ada dilihat dari sudut makro atau dari perspektif mikro atau industri. Dari sudut makroekonomi, paras harga dilihat secara umum di mana paras harga ini mewakili satu harga di dalam ekonomi. Pertumbuhan ekonomi yang tinggi berpanjangan akan mendedahkan ekonomi kepada risiko inflasi yang tinggi dan berterusan. Keadaan ini akan mendedahkan ekonomi kepada pertumbuhan yang tidak benar. Jika kadar

pertumbuhan ekonomi bersamaan dengan kadar inflasi, maka pertumbuhan ekonomi benar adalah sifar.

Kadar inflasi yang dilaporkan sering menggunakan indeks harga pengguna (IHP) sebagai ukurannya. IHP merupakan indeks kepada harga-harga barangan dan perkhidmatan terpilih yang digunakan oleh sebuah isi rumah tipikal. Purata isi rumah akan menggunakan bakul barangan dan perkhidmatan tersebut di dalam kehidupan seharian mereka. Perubahan IHP ini diibaratkan sebagai naik-turun paras harga di dalam ekonomi dari perspektif pengguna.

Harga setiap barangan dan perkhidmatan di dalam ekonomi mengalami turun naik bergantung kepada permintaan dan penawaran mereka. Jika kebanyakan barangan dan perkhidmatan mengalami kenaikan harga, maka IHP keseluruhan akan naik, iaitu paras harga umum meningkat. Namun, isyarat harga setiap barangan dan perkhidmatan adalah penting untuk membantu pengguna dan pengeluar membuat keputusan.

Pengguna perlu membuat keputusan pembelian mereka, manakala pengeluar akan membuat keputusan pengeluaran mereka. Keputusan yang baik sama ada oleh pengguna atau pengeluar adalah penting untuk sesebuah ekonomi membuat pengagihan sumber secara efisien. Ini adalah bergantung kepada sejauh manakah harga-harga barangan dan perkhidmatan yang berkaitan memberi isyarat yang boleh dipercayai.

Bagi sebuah ekonomi yang mempunyai sistem kawalan memusat, perubahan harga barangan dan perkhidmatan tidak memberi makna yang penting berbanding dengan sebuah ekonomi yang lebih bersifat desentralisasi. Bagi sebuah ekonomi pasaran bebas, kita ingin melihat harga barangan dan perkhidmatan memainkan peranan mereka untuk membantu pengeluar dan pengguna membuat keputusan yang rasional. Akhirnya, segala sumber di dalam ekonomi akan diagihkan secara lebih efisien. Kesan akhirnya adalah ekonomi tersebut akan mengalami pertumbuhan benar yang baik dan ini seterusnya akan diterjemahkan kepada peningkatan kesejahteraan rakyat jelata.

Selari dengan pencapaian status negara maju yang kita tujui, kebergantungan kepada sistem penentuan harga memusat perlu dihakis. Perlu diingat bahawa ekonomi akan menentukan harga secara lebih efisien dengan syarat segala sistem pengeluaran dan pengagihan adalah efisien. Oleh itu perbelanjaan awam perlu disalurkan ke arah memperbaiki sistem pengeluaran dan pengagihan supaya isyarat harga berfungsi dengan efisien. Pada masa yang sama, perbelanjaan awam yang bertujuan untuk mengawal harga secara terus melalui penguatkuasaan perlu dikurangkan kerana ianya mengganggu kecekapan sesebuah ekonomi dan memberi implikasi jangka panjang yang negatif.